

U B390 AAB
MAHATHIR - NIC
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAM INI, 9 JULAI)

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA BAHAWA TINDAKAN NEGARA-NEGARA MAJU MEMBERI TAFSIRAN +NEGARA INDUSTRI BARU+ KEPADA NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN BERTUJUAN MELAMBATKAN PERTUMBUHAN DI NEGARA BERKENAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, KONSEP ITU DICIPTA BAGI MEMASTIKAN TIDAK ADA LAGI NEGARA ASIA YANG BOLEH MENJADI +POWERHOUSE+ SEPERTI JEPUN SEKARANG.

APABILA SESEBUAH NEGARA DITAFSIRKAN SEBAGAI NIC, MAKA TINDAKAN AKAN DIAMBIL UNTUK MELAMBATKAN KEMAJUAN MEREKA DENGAN MENAIKKAN NILAI MATA WANG, MENGENAKAN KUOTA, MENARIK BALIK TARAF SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP), MEMERIKSA SOAL HAK ASASI MANUSIA DAN SOAL KEBEBASAN PEKERJA, KATANYA SEMASA DIWAWANCARA DALAM RANCANGAN ISU SEMASA YANG DISIARKAN OLEH RTM.

BELIAU BERKATA, JEPUN MAMPU MENINGKAT HINGGA MENJADI NEGARA MAJU KERANA KETIKA ITU NEGARA-NEGARA BARAT BELUM LAGI MENCIPTA CARA UNTUK MENGHALANG KEMAJUAN JEPUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MEMPERSOALKAN SAMA ADA NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR YANG KINI MULA MENGAMALKAN PASARAN BEBAS, AKAN TURUT DIBERI TAFSIRAN NIC. -- LAGI.

1632MST 09 07 90

U B392 AAB
MAHATHIR - NIC 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+PADA PENDAPAT SAYA, MEREKA (EROPAH DAN AMERIKA SYARIKAT) TIDAK AKAN MENGHALANG NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR DARIPADA MENJADI NEGARA MAJU, BAHKAN MEREKA AKAN MENOLONG,+ KATA BELIAU LALU BERTANYA KENAPA ADA DISKRIMINASI ANTARA EROPAH TIMUR DAN ASIA TIMUR.

BELIAU JUGA MERAMALKAN BAHWA JERMAN TIMUR AKAN TERUS MENJADI NEGARA MAJU TANPA MENJADI NIC KERANA MEREKA DITOLONG OLEH JERMAN BARAT.

SAMBIL MENYIFATKAN TINDAKAN ITU TIDAK ADIL, PERDANA MENTERI BERKATA, MALAYSIA SEBAGAI NEGARA MERDEKA MESTI MENENTANG TINDAKAN ITU DENGAN MENDEDAHKAN TUJUAN SEBENAR NEGARA-NEGARA BARAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERTANYA APAKAH HAK NEGARA-NEGARA BERKENAAN MEMBERI TAFSIRAN NIC KEPADA MALAYSIA TANPA MENDAPATKAN PERSETUJUAN ATAU BERUNDING TENTANG SYARAT-SYARAT YANG PATUT DIKENAKAN KEPADA SESEBUAH NEGARA YANG DIANGGAP NIC.

MENGENAI PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, BELIAU BERKATA, CADANGAN PELABURAN BAGI EMPAT BULAN PERTAMA TAHUN INI IALAH SEBANYAK \$17,000 JUTA BERBANDING DENGAN \$11,000 JUTA SEPANJANG TAHUN LEPAS.

KATANYA, PERTUMBUHAN EKONOMI DAPAT DIRASAI DI BANDAR DAN LUAR BANDAR DENGAN BERTAMBAHNYA BILANGAN KERETA, RESTORAN YANG PENUH DENGAN PELANGGAN, KEDAI DAN KOMPLEKS BELI-BELAH YANG DIPENUHI OLEH PEMBELI DAN HOTEL YANG PENUH DENGAN PENGHUNI. -- BERNAMA.

1638MST 09 07 90